

111 年新北市各級學校東南亞語文競賽  
團體朗讀文稿 馬來語 國高中組 A

## TAHUN BARU CINA

Pada malam tahun baru, mercun akan dibakar pada tengah malam bagi menandakan bermulanya tahun baru dan bagi menghalau puaka dan nasib malang. Rumah-rumah akan dihiasi dengan bunga dan buah limau sebagai simbol syurga dunia.

Jamuan Tahun Baru Cina diraikan dengan yee sang dan kuih bakul. Kaum keluarga akan makan besar dengan hidangan masakan tradisi seperti daging itik, daging salai, kuih pulut dan limau mandarin.

Tahun Baru Cina disambut dengan menziarahi ahli keluarga, saudara-mara dan sahabat-handai. Orang tua dan mereka yang sudah berkahwin akan memberi angpao sebagai hadiah kepada orang muda dan kanak-kanak.

Pasar khas dibuka menjelang Tahun Baru Cina untuk menjual barangan seperti bunga, mainan, pakaian dan sebagainya. Barangan ini akan dijadikan hadiah semasa kunjungan.

Perarakan tarian naga atau tarian singa akan diadakan sama ada di rumah atau di kedai dengan kereta berhias yang diiringi bunyi gendang. Tahun Baru Cina disambut selama lima belas hari. Hari ke-15 iaitu Cap Goh Mei dikenali sebagai penutup perayaan Tahun Baru Cina.